



MAULIDURRASUL
DISEMBER 2017 /
RABIULAWWAL 1438

AL - QURAN & HADIS

- Biodata Rasul Junjungan Mulia
Rosmawati Binti Razak
- Kelebihan Selawat
Mohd Hanafi Bin Jusoh

SYARIAT

- Makan Sihat Gaya Rasulullah
Norhafizah Binti Mohd Ghazali
- Tersirat Di Sebalik Doa
Jamilah Binti Ismail
- Hukum Menyambut
Maulidurrasul
Hasminuddin Bin Hashim

AKHLAK

- Pembudayaan Ilmu, Ikuti
Panduan Nabi SAW
Rosmawati Binti Razak
- Semarakkan Cintamu
Azirah Binti Seman
- Rasulullah : Keperibadian
Terpuji, Perjuangan Dihayati
Nik Mohd Sofri Bin Nik Abdul Hamid

MOTIVASI

- Lapan Jam Yang Damai
Razak Bin Nordin
- Titipan Khutbah Terakhir
Ainul Farhaan Binti Harun

Biodata Rasul Junjungan Mulia

Oleh : Rosmawati Binti Razak

Nama

Muhammad, Ahmad, al-Mahi, al-Hasyir, al-A'qib

"*Sesungguhnya aku memiliki beberapa nama. Aku adalah Muhammad dan aku juga Ahmad. Aku adalah Al Mahi (yang menghapus) kerana Allah menghapuskan kekufuran melalui diriku. Aku adalah Al Hasyir (yang mengumpulkan) kerana seluruh manusia akan berkumpul di bawah kakiku; dan aku adalah Al-'Aqib, kerana tidak ada lagi nabi setelahku.*"
(Riwayat Tirmidzi, Bukhari, Muslim dan Ahmad).

Tarikh Lahir

Isnin pagi, 9 Rabiulawwal pada tahun Peristiwa Bergajah bertepatan dengan tarikh 20 atau 22 April tahun 571 Masihi.

Nama Bapa

Nama bapa: Abdullah bin Abdul Mutalib (Syaibah) bin Hasyim (Amru) bin Abdul Manaf (Mughirah) bin Qushay (Zaid) bin Kilab hingga ke Adnan.

Nama ibu

Nama ibu: Ibu baginda Nabi Muhammad SAW adalah Aminah.

Nama ibu susuan

Tsuwaibah (hamba Abu Lahab) dan Halimah binti Abu Dzu'ayb (wanita dari Bani Saad).

ISSN 2637-0247



9 772637 024001

Tempoh dakwah

13 tahun di Mekah (3 tahun secara sembunyi dan 10 tahun secara terang-terangan). 10 tahun di Madinah.

Hijrah nabi

Pada malam hari bertarih 27 Safar tahun ke 14 kenabian bersamaan 12 atau 13 September 622 Masihi. Bermalam di Gua Thur selama 3 malam dan berhijrah ke Madinah pada malam Isnin permulaan Rabiulawwal tahun pertama Hijrah bersamaan 16 September 622 Masihi.

Wahyu kepada Nabi

- Ayat terawal yang diturunkan kepada baginda ialah ayat 1 hingga 5 surah al-Alaq.
- Ayat terakhir yang diturunkan ialah ayat 281 surah al-Baqarah. Ada yang menyatakan ayat riba, dan ayat 281 tadi penutup kepada ayat riba. Dan ada juga yang menyatakan ayat al-dain (hutang), dengan menghimpunkan ketiga-tiga pendapat.
- Surah pertama yang diturunkan secara sempurna (kesemua ayat) ialah surah al-Fatihah.
- Surah terakhir diturunkan secara sempurna ialah surah al-Nasr. Berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Ubaidullah bin Abdullah bin Utbah, Ibnu Abbas berkata kepadaku, "*Wahai Ibnu Utbah, adakah engkau tahu surah terakhir yang diturunkan dalam al-Quran?*". Aku menjawab, "*Ya, aku tahu iaitu Iza jaa-a nasrullahi wal fath.*" Ibnu Abbas berkata, "*Benar*" (Riwayat al-Nasa'i).

Kata - kata Akhir

Kekasih yang Maha Tinggi, Kekasih yang Maha Tinggi, Kekasih yang Maha Tinggi. Dalam sebuah hadis, Aisyah RA sempat mendengar ungkapan akhir baginda sebelum menghembuskan nafas terakhir:

"Bersama orang-orang yang Engkau beri nikmat ke atas mereka daripada para Nabi, siddiqin, syuhada dan solihin. Ya Allah, ampunilah dosaku dan rahmatilah aku. Pertemukanlah aku dengan Kekasih yang Maha Tinggi ya Allah, Kekasih yang Maha Tinggi". Ungkapan ini diulang sebanyak 3 kali.

Tarikh wafat

12 Rabiulawwal tahun kesebelas Hijrah dalam usia 63 tahun 4 hari (walau bagaimanapun terdapat riwayat yang mengatakan Nabi SAW wafat pada usia 65 tahun).

Rujukan :

- 1- Syeikh Sofiyurahman al-Mubarakfuri. *Al-Rahiq al-Makhtum-Sirah Nabi SAW.*
- 2- Imam al-Tirmidzi. *Syama'il Muhammad SAW.*
- 3- Zulkifli Mohd Yusoff & Nor Naemah Abd. Rahman. *Biografi Muhammad*



NAMA ANAK-ANAK NABI MUHAMMAD

Baginda Nabi Muhammad dikurniakan dengan 7 orang zuriat. Nama-nama zuriat baginda adalah Qasim, Abdullah, Ibrahim, Fatimah, Zainab, Umi Kalsum dan Siti Ruqayyah

NAMA ISTERI-ISTERI NABI MUHAMMAD

13 orang isteri termasuk 2 yang khilaf sama ada isteri atau hamba. Mereka adalah Khadijah Khuwailid, Saudah Zam'ah, Aishah Abu Bakar, Hafasah Umar Al-Khattab, Zainab Khuzaimah, Ummu Salamah Hindun, Zainab Jahsyi, Juwairiyah Harith, Ummu Habibah Ramlah, Safiyyah Huyaiy, Maimunah Harith, Mariyah al - Qibtiyah (khilaf), dan Raihanah Zaid al- Nadhariyyah (khilaf).

SIFAT NABI SAW DALAM PERGAULAN

Insan yang paling baik akhlakunya. Tidak pernah mencela. Sepertimana sebuah hadis daripada Anas bin Malik RA :

"Saya pernah menjadi pembantu Rasulullah SAW selama sepuluh tahun. Baginda tidak pernah mencela dengan kata 'ah' terhadap setiap apa yang saya lakukan. Baginda tidak pernah berkata 'mengapa engkau lakukan hal ini. Dan setiap yang saya tinggalkan, baginda tidak pernah bertanya 'mengapa engkau tidak lakukan hal ini?'. Sungguh, Rasulullah SAW adalah orang yang paling baik akhlakunya. Tidak pernah saya menyentuh kain sutera atau apa pun yang melebihi lembutnya tapak tangan baginda. Tidak pernah saya mencium bau kasturi atau wangian yang lebih harum daripada keringat baginda".

(Riwayat Tirmidzi, Bukhari dan Muslim)

Kelebihan Berselawat

Oleh : Mohd Hanafi Bin Jusoh

BERIMAN KEPADA RASUL

Beriman kepada para nabi dan rasul khususnya Nabi Muhammad SAW merupakan salah satu daripada rukun iman yang perlu diyakini dan diimani oleh setiap muslim. Baginda merupakan Nabi terakhir yang diutuskan oleh Allah SWT kepada umat manusia. Oleh itu tiada lagi nabi dan rasul selepasnya dan tiada lagi syariat lain kecuali syariat yang dibawa oleh baginda SAW. Oleh yang demikian, di sana terdapat hak-hak baginda Nabi SAW yang disyariatkan oleh Allah SWT dan perlu dilaksanakan oleh setiap muslim bagi membuktikan keimanan, kecintaan dan ketaatan kepada Nabi SAW.

HAK KE ATAS NABI

Di antara hak Nabi SAW yang disyariatkan oleh Allah SWT ke atas umatnya adalah setiap orang Islam dianjurkan agar sentiasa mengucapkan selawat dan salam ke atas baginda Nabi SAW. Perkataan Selawat (الصلوات) diambil dari perkataan solat (bahasa Arab: الصلاة) yang bererti doa dan pujian. Menurut istilah Kamus Dewan Bahasa Melayu, selawat ditakrifkan sebagai doa kesejahteraan ke atas Nabi SAW atau dengan kata lain doa kepada Allah supaya dilimpahkan rahmat dan berkat ke atas Nabi Muhammad SAW.

Dalam hal ini Allah dan para malaikatNya juga telah berselawat kepada baginda Nabi SAW. Allah SWT juga telah memerintahkan kepada setiap orang beriman untuk mengucapkan selawat dan salam kepada baginda Nabi SAW. Hal ini sebagaimana yang telah disebutkan oleh Allah SWT di dalam surah al-Ahzab ayat ke 56 yang bermaksud:

“*Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad SAW); wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya*”

SELAWAT

Ibnu Kathir di dalam kitab tafsirnya menjelaskan tentang maksud selawat di atas. Al-Bukhari menyatakan dari Abu 'Aliyah bahawa “selawat Allah SWT kepada Nabi SAW bermaksud pujianNya di sisi makhluk yang mulia iaitu para malaikat. Manakala selawat para malaikat ke atas Nabi SAW pula bermaksud doa. Ada pun selawat orang beriman kepada Nabi SAW pula ialah memohon rahmat daripada Allah SWT supaya memberikan keutamaan, kemuliaan dan keselamatan ke atas Nabi Muhammad SAW.

Oleh yang demikian, setiap muslim sangat digalakkan untuk mengucapkan selawat ke atas baginda Nabi SAW kerana dengan berselawat, kita juga mengakui kerasulannya dan kebenaran ajaran yang dibawa oleh baginda Nabi SAW. Sebenarnya Nabi Muhammad SAW tidak memerlukan selawat-selawat daripada umatnya bagi mendapatkan kemuliaan kerana baginda sudah pun disebut oleh Allah SWT sebagai manusia dan rasul yang paling utama. Tetapi dengan berselawat, kitalah yang akan mendapat manfaatnya. Ianya telah dijelaskan sendiri oleh Rasulullah SAW di dalam banyak riwayat.

SELAWAT & IBADAH

Selawat merupakan salah satu bentuk ibadat dalam Islam. Sebagaimana ibadat lain seperti solat, puasa, haji dan seumpamanya memerlukan petunjuk dan dalil dari al-Quran dan sunnah Nabi SAW untuk dilaksanakan. Oleh itu, orang beriman dilarang sama sekali untuk mereka cipta bentuk ibadah yang tidak diwahyukan oleh Allah SWT di dalam al-Quran serta ditunjukkan oleh Nabi SAW. Begitu juga dengan ibadat selawat, ianya tidak boleh direka dan dicipta oleh orang-orang tertentu setelah kewafatan Nabi SAW, dengan lafaz dan kelebihan tertentu. Ini kerana setiap ibadah yang dianjurkan dalam Islam mempunyai kaitan dengan wahyu dan wahyu tidak diturunkan kepada selain para nabi dan rasul.

LAFAZ SELAWAT

Oleh yang demikian setiap lafaz, bentuk dan kelebihan selawat, yang mahu diungkapkan oleh setiap muslim hendaklah berdasarkan kepada bimbingan dan panduan daripada baginda Nabi SAW. Ini dapat dibuktikan dengan terdapat banyak riwayat yang menyebutkan bagaimana Nabi SAW mengajarkan para sahabat RA untuk melafazkan selawat ke atas baginda. Di sana terdapat banyak lafaz selawat ke atas Nabi SAW yang *ma'thur* antaranya ialah:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

اللَّهُمَّ بَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ ، وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

Ertinya: Ya Allah, selawatlah ke atas Muhammad dan keluarga Muhammad sebagaimana Engkau berselawat ke atas Ibrahim dan keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia. Ya Allah, berkatkanlah ke atas Muhammad dan keluarga Muhammad sebagaimana Engkau berkatkan ke atas Ibrahim dan keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia. (Riwayat Bukhari no. 3190 dan Muslim no. 406).

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

Ertinya: Ya Allah, selawatlah ke atas Muhammad dan keluarga Muhammad (Riwayat al-Nasa'i, no:1292, sahih)

مَحَبَّةُ نَبِيِّ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ

KELEBIHAN SELAWAT

“Sesungguhnya orang yang paling aula (utama) bersamaku pada hari kiamat adalah orang yang paling banyak BERSELAWAT ke atasku”

LAFAZ SELAWAT

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِيِّ ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِيِّ ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ ، وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

Ertinya: Ya Allah, selawatlah ke atas Muhammad, Nabi yang Ummi, dan keluarga Muhammad sebagaimana Engkau berselawat ke atas Ibrahim dan keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia. Dan berkatkanlah ke atas Muhammad, Nabi yang Ummi, dan keluarga Muhammad sebagaimana Engkau berkatkan ke atas Ibrahim dan keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia.

(Riwayat Ibnu Hibban no: 1959, sahih)

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ ، وَآلِ إِبْرَاهِيمَ ،

Ertinya: Ya Allah, selawatlah ke atas Muhammad, hamba dan Rasulmu, sebagaimana Engkau berselawat ke atas Ibrahim. Dan berkatkanlah ke atas Muhammad dan keluarga Muhammad sebagaimana Engkau berkatkan ke atas Ibrahim dan keluarga Ibrahim.

(Riwayat Bukhari, no: 5997)

Berikut merupakan kelebihan-kelebihan selawat yang disebutkan oleh Nabi SAW kepada sesiapa yang sentiasa berselawat dalam kehidupannya.

Allah akan berselawat sepuluh kali ke atas mereka yang berselawat ke atas Nabi sekali. Daripada Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda: “Sesiapa yang berselawat kepadaku satu kali maka Allah akan berselawat ke atasnya sepuluh kali” (Riwayat Ahmad, Bukhari, Muslim, al-Nasa’i, Abu Daud)

Dicatat baginya sepuluh kebaikan. Daripada Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda: “Sesiapa yang berselawat ke atasku satu kali maka akan dicatat kepadanya sepuluh kebaikan” (Riwayat Ahmad, sahih)

Dapat bersama Nabi SAW pada hari kiamat. Daripada Abdullah bin Mas’ud RA, Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya orang yang paling aula (utama) bersamaku pada hari kiamat adalah orang yang paling banyak berselawat ke atasku” (Riwayat Al-Tirmizi: Hasan)

Orang yang berselawat ke atas Nabi SAW mendapat doa daripada malaikat. Dari ‘Amir bin Rabia’ah RA, Rasulullah SAW bersabda: “Tidaklah seseorang hamba berselawat ke atasku melainkan para malaikat berselawat untuknya sebanyak mana dia berselawat kepadaku. Maka berselawatlah samada sedikit atau banyak”. (Riwayat Thabrani dan Ahmad, Hasan.)

Beroleh syafaat Nabi SAW bagi sesiapa yang berselawat dan memohonkan wasilah untuk baginda setelah azan. Daripada Abdullah bin ‘Amr bin al-‘Ash RA, Rasulullah SAW bersabda:

“Apabila kamu mendengar azan, maka ucapkanlah sebagaimana yang diucapkan oleh muazzin. Kemudian berselawatlah kepadaku kerana sesungguhnya sesiapa yang berselawat kepadaku sekali, maka Allah SWT akan berselawat kepadanya sepuluh kali. Setelah itu mintalah kepada Allah al-wasilah untukku kerana sesungguhnya al-wasilah itu adalah satu kedudukan yang mulia di dalam syurga, yang tidak sepatutnya diberikan melainkan untuk seseorang daripada hamba Allah. Aku berharap akulah orang itu. Sesiapa yang memohon al-wasilah untukku, nescaya halal baginya syafaatku.

(Riwayat Muslim dan al-Tirmizi, sahih)

Bebas dari sifat kikir (kedekut) disebabkan tidak berselawat.

Daripada al-Husin bin ‘Ali bin Abu Talib RA Nabi SAW bersabda:

“Orang yang kedekut (bakhil) adalah orang yang ketika namaku disebut tetapi ia tidak berselawat ke atasku”. (Riwayat Al-Tirmizi, disahihkan oleh Albani.)

Doa yang dimulai dengan berselawat ke atas Nabi akan dimakbulkan oleh Allah SWT.

Daripada Fadhalah bin ‘Ubaid RA, beliau berkata:

“Ketika Nabi SAW sedang duduk bersama kami (di masjid), tiba-tiba ada seorang lelaki masuk lalu bersolat. Setelah itu lelaki tersebut terus berdoa dengan katanya: Ya Allah, ampunilah dan sayangilah aku. Rasulullah SAW menegurnya: Kamu terburu-buru wahai orang yang bersolat. Apabila kamu melaksanakan solat, lalu kamu duduk, ucapkanlah pujian kepada Allah dengan pujian yang sewajarnya bagi Allah dan berselawatlah kepadaku kemudian berdoa. Setelah peristiwa itu, mereka yang lain apabila melaksanakan solat, memuji Allah dan berselawat ke atas Nabi SAW. Nabi SAW bersabda: wahai orang yang bersolat, berdoalah. Sudah tentu doa anda akan dimakbulkan.”

(Riwayat Al-Tirmizi, disahihkan oleh Albani.)

Begitulah sebahagian daripada kelebihan selawat yang dijanjikan kepada mereka yang sentiasa membasahi lidah dengan sentiasa berselawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kita berharap Allah SWT membantu kita memberi kekuatan dan semangat serta *istiqamah* untuk berselawat ke atas Nabi SAW dalam kehidupan dan menjadikan kita termasuk dalam kalangan orang-orang yang dijanjikan kelebihan-kelebihan tersebut.

Makan Sihat Gaya Rasulullah

Oleh: Norhafizah Binti Mohd Ghazali

Dalam aspek kehidupan seharian, rutin yang dilakukan oleh setiap daripada kita ialah 'MAKAN'.

Mungkin aktiviti ini dianggap sebagai biasa oleh sesetengah individu, namun Islam amat menitikberatkan setiap aspek kehidupan termasuklah aspek pemakanan yang turut perlu diberi perhatian demi mendapatkan kesihatan berpanjangan. Makan dan minum juga tidak terlepas daripada dinilai sebagai ibadah jika dilakukan kena pada caranya. Marilah kita sama-sama membiasakan diri dalam mengamalkan adab-adab yang baik ketika makan. Antara amalan yang boleh dipraktikkan ialah:

Membaca Basmalah

Umar bin Salamah RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda kepadaku: "Wahai anak kecil, bacalah basmalah, makanlah dengan tangan kananmu dan makanlah makanan terdekat darimu." (Muttafaq 'Alaih)

Setiap makanan yang diambil bukan hanya mengandungi nutrien yang diperlukan oleh tubuh, bahkan berkemungkinan mengandungi kuman dan toksik yang tidak diketahui. Terutamanya ketika waktu bekerja kita lebih banyak menghabiskan waktu makan di premis-premis makan yang kita jangkakan bersih. Oleh yang demikian, berlindunglah kepada Allah dan bacalah *basmalah* sebelum menjamah makanan. Selain itu, menyuap makanan ke mulut dengan menggunakan tangan kanan amatlah digalakkan dan pastikanlah tangan dalam keadaan bersih bagi mengelakkan sebarang mudarat.

Tidak Mencela Makanan

Abu Hurairah RA berkata bahawasanya Rasulullah SAW tidak pernah mencela makanan. Jika suka, baginda memakannya, jika tidak suka, baginda tidak memakannya." (Muttafaq 'Alaih)

Setiap apa yang ditonjolkan oleh Rasulullah SAW pasti ada hikmah dan pengajarannya. Ada ketikanya juga kita dihadapkan dengan makanan yang tidak menepati citarasa dan selera kita. Cubalah untuk mensyukuri setiap nikmat kurniaan Allah. Semoga dengan sentiasa bersyukur atas nikmat kesihatan dan makanan yang Allah kurniakan ini kita akan terhindar dari sifat tercela.

Tidak Bersandar Ketika Makan

Abu Juhaifah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Saya tidak makan sambil bersandar" (Riwayat Tirmidzi, Bukhari, Abu Dawud, Ibnu Majah, Ahmad dan Baihaqi)

Di sebalik setiap teladan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW pasti ada hikmah dan manfaatnya. Posisi badan ketika makan juga perlu dititikberatkan bagi mengelakkan kemudaratan. Justeru, elakkanlah perkara yang dilarang oleh Nabi dan cubalah untuk mengikuti ajaran baginda.

Berkumpul Ketika Makan

Wahsyi RA berkata bahawasanya para sahabat Rasulullah SAW bertanya: "Ya Rasulullah, sesungguhnya kami makan tetapi tidak merasa kenyang? Baginda bertanya: "Apakah kalian makan secara terpisah?" Mereka menjawab: "Ya." Baginda bersabda: "Berkumpullah ketika makan dan sebutlah nama Allah, pasti Allah memberkati makanan tersebut untuk kamu." (Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah)

Dalam kesibukan kita melakukan tugas seharian, ada ketikanya kita lupa bahawa masa bersama keluarga amat penting. Kurang masa bersama adalah antara penyebab yang mewujudkan jurang antara ibubapa dan anak-anak. Ada ketikanya dalam kesibukan ini, setiap ahli keluarga makan secara berasingan. Oleh itu, cubalah untuk berkumpul dan makan bersama-sama kerana dengannya kita boleh mengeratkan ikatan kekeluargaan yang semakin renggang dek kesibukan masing-masing.

Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Baqarah ayat 172 yang bermaksud "Wahai orang-orang yang beriman, makanlah di antara rezeki yang baik-baik yang Kami berikan kepadamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika benar-benar kepadaNya kamu menyembah."

Ingatan dan kecintaan terhadap junjungan mulia Nabi Muhammad SAW perlulah dizarhikan dalam setiap aspek kehidupan manusia tanpa mengira masa. Segarkan ingatan terhadap baginda melalui penghayatan sirah hidup serta liku-liku perjuangan dakwah dalam menegakkan syiar Islam.

Menjilat Jari Sesudah Makan

Ka'ab bin Malik meriwayatkan. Maksudnya: "Rasulullah SAW makan dengan menggunakan ketiga jari baginda. Usai makan, baginda menjilati ketiganya." (Riwayat Tirmidzi, Muslim, Abu Dawud dan Ahmad)

Rasulullah SAW bersabda: "Apabila salah seorang kamu makan makanan, janganlah dia mengelap tangannya hingga menjilatinya atau meminta orang menjilatinya. Dan janganlah dia mengangkat piringnya hingga menjilatinya atau meminta orang untuk menjilatinya, kerana pada makanan terakhir terdapat barakah." (Riwayat Bukhari no. 5465; Muslim no. 2031, Abu Dawud, Nasai, Ahmad dan lainnya).

Amalan ini seringkali ditinggalkan dan dianggap janggal bagi sesetengah individu. Namun, pasti ada hikmah besar yang terselindung dibaliknya. Di dalam setiap makanan yang dijamah ada barakahnya. Oleh itu, kita amat dituntut untuk menghabiskan makanan sehinggalah yang tersisa pada jari-jari. Semoga kita beroleh keberkatan daripada setiap makanan *halalan toyyiban* yang masuk ke dalam perut kita.

Memuji Allah Ketika Selesai

Anas RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya Allah meredhai seorang hamba yang ketika selesai makan dan minum ia memuji Allah." (Riwayat Muslim)

Abu Sa'id RA berkata bahawasanya ketika selesai makan Rasulullah mengucapkan: "Segala puji bagi Allah yang telah memberi kami makan, minum dan menjadikan kami orang-orang Islam." (Riwayat Abu Dawud dan Tirmidzi)

Antara punca pelbagai penyakit yang dihadapi adalah daripada pemakanan. Oleh yang demikian, amalkanlah gaya pemakanan sihat dan seimbang mengikut keperluan dan makanlah secara bersederhana, janganlah makan secara berlebihan. Bacalah *basmalah* sebelum makan dan ucapkanlah puji-pujian bagi Allah sesudah makan. Semoga kita mendapat manfaat daripada makanan itu dan dijauhkan daripada segala kemudharatannya.

Membaca "Dengan nama Allah di awal dan akhirnya"

Umayyah bin Makhsyi RA berkata, "Suatu ketika Rasulullah SAW duduk dan ada seorang lelaki sedang makan di samping baginda, yang tidak membaca *basmalah*. Ketika makanannya tinggal sesuap dan ia hendak memasukkannya ke dalam mulutnya, ia mengucapkan: "Dengan nama Allah di awal dan akhirnya". Melihat itu Nabi tertawa lalu bersabda: "Sebelumnya syaitan terus makan bersamanya, setelah ia menyebut nama Allah, syaitan memuntahkan semua isi perutnya." (Riwayat Abu Daud dan Nasa'i)

Mungkin ada ketikanya kita terlupa untuk membaca *basmalah* sebelum makan disebabkan kekalutan dalam mengejar aktiviti seharian. Oleh yang demikian, sekiranya terlintas kembali difikiran maka segeralah membaca "*Bismillahi awwalahu wa akhirahu*". Bagi mengelakkan masalah ini kerap berlaku, kita perlulah sentiasa membiasakan diri dengan membaca *basmalah* dalam setiap amalan harian yang kita lakukan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, gaya pemakanan juga sangat penting kerana ia mempengaruhi kesihatan tubuh badan kita. Makanan yang dimakan mestilah **halal, mencukupi dan beraneka jenis** agar keseimbangan dapat dikekalkan. Makanan yang tidak halal pula pasti ada mudaratnya sama ada terhadap tubuh badan mahupun jiwa. Kuantiti dan kualiti makanan juga perlu diawasi agar kita terlepas daripada segala kemudaratan. **Elakkan pembaziran** dengan mengingati saudara seagama kita di merata dunia yang mengalami pelbagai bentuk penafian hak seperti di Rohingya dan seumpamanya.

Tersirat Di Sebalik Doa

Oleh: Jamilah Binti Ismail



Firman Allah yang bermaksud

“Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu tentang Aku, maka (jawablah), bahawasanya Aku adalah dekat. Aku mengabulkan permohonan orang yang berdoa apabila ia memohon kepada-Ku. Maka hendaklah mereka itu memenuhi (segala perintah-Ku) dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku, agar mereka selalu berada dalam kebenaran.” (Surah Al-Baqarah: 186)

Nabi SAW bersabda:

“Tidak ada sesuatu yang lebih besar pengaruhnya di sisi Allah SWT selain doa.”

(Riwayat Tirmidzi no. 3370)

Doa merupakan suatu permintaan, harapan dan kebergantungan hanya kepada Allah SWT sebagai makhluk am dan muslim khususnya untuk menjalani kehidupan seharian supaya kehidupan tersebut berdasarkan cita-cita dan harapan kita. Namun apa yang kita doakan itu tidaklah 100 % menepati kehendak kita.


Seorang penulis artikel (tidak disebutkan nama) di dalam blognya telah menitip beberapa perkara perlu difahami mengenai berdoa:-



Doa ialah mekanisme pertahanan diri paling kuat dalam hidup insan muslim kerana di dalam setiap doa yang terucap, terselit harapan yang membuat kita sebagai muslim tidak mudah putus asa.



Ketika saat doa tidak terkabul, pada waktu dan keadaan itu kerana Allah memperhatikan kesungguhan, keyakinan dan istiqamah kita di dalam berdoa.



3
Yakini Allah Maha Tahu

Ketika apa yang kita minta tidak sesuai dengan apa yang mungkin akan terjadi kerana yakinlah bahawa Allah sahaja memiliki dan mengetahui perkara yang lebih baik untuk kita.

4
Mendoakan Orang Lain

Apabila kita berdoa bukan hanya untuk diri sendiri sahaja, tetapi juga berdoalah untuk orang lain yang berada di sekeliling kita. Selalu ada kebaikan akan kembali pada kita juga di saat kita mendoakan untuk orang lain secara diam (tanpa pengetahuannya).

5
Doa Sebagai Keutamaan

Berdoa bukan hanya saat kita mendapatkan kesulitan, kesusahan atau menginginkan sesuatu saja, tetapi jadikanlah doa sebagai keutamaan di dalam kehidupan kita sebagai insan muslim.

6
Pelaksanaan PerintahNya

Terkadang kita lupa diri saat memohon sesuatu padaNya. Cubalah tanyakan pada diri kita sendiri, adakah patut berdoa sebegitu? Kerana setiap doa yang dipohon kepadaNya akan terkabulkan, dengan syarat kita melaksanakan apa yang diperintahkanNya dan menjauhi laranganNya.

7
Kesabaran Dalam Doa

Berdoa itu tidak sama dengan memerintah. Ada proses panjang di sebalik sebuah doa dan semua itu bergantung kepada usaha kita.

8
Waktu Mustajab Berdoa

Manfaatkan waktu-waktu terbaik seperti waktu sepertiga malam terakhir dan dikatakan waktu mustajab dalam berdoa, kerana di waktu itulah Allah yang sentiasa Maha Mendengar segala luahan hati dan permintaan kita.

9
Ikhlas Hati

Melalui doa yang tulus ikhlas, Allah akan membantu dalam menentukan segala pilihan yang terbaik untuk kita. Di dalam hal-hal tertentu selalu panjatkan doa dalam setiap hal penting dalam hidup kita dengan itu Allah akan selalu menjadikan kita hamba yang penting di sisiNya

10
Seimbangkan Usaha

Berdoa dengan penuh keyakinan. Sentiasalah memanjatkan doa dan seimbangkan dengan usaha.

RUMUSAN

Jadikan doa sebagai kebiasaan kita dalam setiap aktiviti dan tugas.

Teruslah yakin bahawasanya selalu ada pertolongan Allah bagi hambaNya yang memohon dengan penuh keikhlasan, rendah diri dan penyerahan jiwa.

Seitiasa berdoa agar kita mendapat rahmat dan redha Allah. Aamiin.

Hukum Menyambut Maulidurrasul

Oleh: Hasminuddin Bin Hashim

Bulan Rabiulawwal adalah bulan yang istimewa bagi umat Islam. Pada bulan tersebut lahir seorang manusia yang bukan hanya sebagai pembawa rahmat bagi umat manusia akan tetapi juga semesta alam. Dialah Muhammad utusan Allah untuk seluruh umat hingga kiamat.

Sejarah Sambutan Maulidurrasul

Dalam kitab *Al-Bidayah wa al-Nihayah* 13/136 al-Allamah Ibn Kathir antara lain beliau memuji Raja al-Muzaffar yang telah menyambut majlis Maulidurrasul secara besar-besaran dengan berkata: *“Adalah Raja Muzaffar menganjurkan Maulid Syarif pada Rabiulawwal dan membuat perhimpunan secara besar-besaran.*

AlHafiz Al Sakhawi dalam kitab fatwanya mengatakan bahawa perayaan maulid telah dimulai pada abad ke 3 Hijriah. Perayaan ini dilakukan umat Islam di kota-kota besar dengan memberikan sedekah kepada fuqara juga membaca sirah kelahiran Rasulullah.

Hukum Sambutan Maulidurrasul

Terdapat beberapa pandangan ulama mengenai hukum sambutan Maulidurrasul:

Pertama:

Hukum sambutan Maulidurrasul adalah bid'ah. Ini dipelopori oleh sebahagian ulama. Antara hujahnya adalah:

Perayaan ini tidak pernah dilaksanakan pada generasi yang paling mulia, generasi sahabat, tabiin, tabi' tabi'in, dan juga tidak pada generasi setelahnya. Ia adalah satu bentuk pemujaan yang melampau kepada Nabi SAW.

Sabda Nabi SAW:

Maksudnya: *“Janganlah kalian berlebihan dalam memuji seperti kaum Nasrani yang memuji anak lelaki Maryam. Aku hanyalah hambaNya, maka katakanlah (mengenai) “Hamba Allah dan RasulNya “*
(Riwayat al-Bukhari, no. 3445)

Kedua:

Hukumnya adalah dibolehkan. Syeikh Abu Shamah atau nama sebenarnya, Syeikh Abdul Rahman bin Ismail al-Maqdisi (salah seorang Syeikh Dar al-Hadis di Damsyik) berpendapat: Adalah dibolehkan sambutan Maulidurrasul berdasarkan amalan oleh tokoh ulama zaman dahulu antaranya di Irbil (salah satu wilayah di Iraq).

Antara tokoh-tokoh yang berpegang kepada keharusannya dan termasuk dalam bid'ah hasanah ialah: Imam Jalaluddin al-Suyuti, Imam Ibn Hajar al-Haithami, Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi, Syeikh Dr. Wahbah al-Zuhaili, Syeikh Abdul Halim Mahmud, Syeikh Atiyyah Saqr, Syeikh Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi dan lain-lain.

Para ulama yang mengharuskan Maulidurrasul menggunakan hadis dari Abu Qatadah:

“Sesungguhnya Rasulullah SAW pernah ditanya tentang puasa Isnin? Maka baginda menjawab: Maksudnya: “Padanya aku dilahirkan dan padanya diturunkan (al-Quran) ke atasku.”
(Riwayat Muslim, no. 1162)

Ini menunjukkan bahawa Rasulullah mensyukuri nikmat Allah atas kelahirannya pada hari Isnin dengan berpuasa.

Maka, jika baginda SAW berpuasa pada hari Isnin kerana bersyukur kepada Allah atas kelahirannya sendiri pada hari itu. Maka begitu juga bagi umatnya untuk mensyukuri nikmat kelahiran baginda SAW untuk berpuasa pada hari Isnin, membaca al-Quran, membaca kisah kelahiran baginda SAW, bersedekah, atau melakukan perbuatan baik yang lain.

Sabda Nabi SAW:

Maksudnya: *“Barang siapa yang melakukan (merintis) dalam Islam sesuatu perkara yang baik maka ia akan mendapatkan pahala daripada perbuatan baiknya tersebut, dan ia juga mendapatkan pahala dari orang yang mengikutinya selepasnya, tanpa dikurangkan pahala mereka sedikitpun”.*
(Riwayat Muslim, no. 1017)

Hadis ini memberikan satu kefahaman bahawa dibenarkan untuk melakukan perkara-perkara baru yang baik dan tidak bertentangan dengan al-Quran, al-Sunnah, athar mahupun ijmak ulama. Maulidurrasul adalah perkara baru yang baik dan sama sekali tidak menyalahi satupun di antara dalil-dalil tersebut. Dengan demikian, bererti hukumnya diharuskan bahkan sebagai salah satu jalan untuk mendapatkan pahala jika bertepatan dengan syarak. Selain itu, antara hujahnya adalah fatwa ulama seperti berikut:

1- Pandangan Imam al-Suyuti

Imam al-Suyuti juga antara lain menyebut: *“Amalan memberi makan adalah perbuatan yang baik. Dengan demikian, amalan Maulid termasuk perkara baru yang dianjurkan sebagaimana yang diungkapkan oleh Sultan al-Ulama Syeikh Izzuddin bin Abd al-Salam.”*

2- Pandangan Syeikh Abdul Halim Mahmud

Syeikh Abdul Halim Mahmud: *“Sambutan Maulid Nabi SAW adalah sunnah/jalan yang baik daripada sunnah-sunnah yang diisyaratkan oleh Rasul SAW dalam sabdanya: “Barangsiapa melakukan sunnah yang baik, maka dia mendapat pahalanya dan pahala orang yang beramal denganya, barangsiapa yang melakukan sunnah yang buruk, maka dia menanggung dosanya dan dosa sesiapa yang beramal dengannya” Dan ianya adalah kerana terdapat usul/asas yang membimbingnya dan dalil-dalil yang sah yang berpandukan padanya. “Dan tidaklah bererti peninggalan salafussoleh bagi amalan yang soleh ini merupakan pertentangan kepada syariat, kerana salafussoleh masih mempunyai kebangkitan/keprihatinan agama dan cinta Nabi yang mulia yang mana menyebabkan mereka tidak memerlukan kepada peringatan hari maulid untuk disambut.” (Fatawa Imam Abdul Halim Mahmud, m/s. 273)*

Pengisian Sambutan Maulidurrasul

Sambutan Maulidurrasul adalah harus dan termasuk dalam bid'ah hasanah tetapi hendaklah dengan meraikan beberapa syarat utama, antaranya:

- Pengisian yang baik seperti tazkirah dan ceramah.
- Tiada percampuran lelaki dan perempuan.
- Menutup aurat.
- Tiada unsur maksiat.

- Mempelajari riwayat hidup baginda SAW atau sirahnya dengan lebih baik dari tahun ke tahun. Alhamdulillah terdapat banyak kitab yang kita dapat manfaat untuk mengenali dan makrifah Rasulullah SAW. Antaranya:

 Kitab al-Rahiq al-Makhtum oleh Syeikh Safiyurrahman al-Mubarakfuri

 Kitab Sirah Nabawiyah oleh Ibn Hisham

 Kitab al-Syama'il al-Muhammadiyah oleh Imam al-Tirmizi

- Penekanan kepada keperluan mengikuti Sunnah Rasulullah SAW. Begitu juga memahami fiqhnya seperti:

 Kitab Fiqh al-Sirah oleh Syeikh Muhammad al-Ghazali

 Kitab Fiqh al-Sirah oleh Syeikh Dr. Muhammad Said Ramadhan al-Buti

 Kitab Al-Sirah al-Nabawiyah Durus wa 'Ibar oleh Syeikh Dr. Mustafa al-Siba'ie

 Kitab Al-Manhaj al-Haraki li al-Sirah al-Nabawi oleh Syeikh Dr. Munir al-Ghadban dan lain-lain

- Disemarakkan dengan berselawat kepada Nabi SAW. Antara kelebihan selawat yang sah sebagaimana sabda Nabi SAW:

“Sesiapa yang mengucapkan selawat kepadaku satu kali maka Allah akan berselawat baginya sepuluh kali, dan digugurkan sepuluh kesalahan (dosa)nya, serta ditinggikan baginya sepuluh darjat/ tingkatan (di syurga kelak).”

(Riwayat al-Nasa'i, no. 1297)

Berhubung lafaz selawat yang afdhal, maka antaranya ialah riwayat dalam Sahih al-Bukhari no. 2497 dari Ka'ab bin 'Ujrah RA yang menceritakan bahawa para sahabat pernah bertanya kepada Nabi SAW tentang bagaimana cara berselawat kepada beliau.

Baginda menjawab dengan mengatakan: “Katakanlah

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ، اللَّهُمَّ بَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

Meraikan kegembiraan dan kesyukuran kelahiran baginda SAW dengan bersedekah kepada fakir miskin. Sebagai mengukuhkan kenyataan ini, pendapat Imam Abu Syamah. Antara lain berkata: “Termasuk perkara baru atau bid'ah yang dilakukan pada masa kita iaitu sambutan setiap tahun pada hari kelahiran baginda SAW dengan bersedekah, melakukan yang ma'ruf, menzahirkan perhiasan dan kegembiraan. Maka sesungguhnya di samping itu, melakukan ihsan kepada golongan fakir miskin adalah tanda kecintaan dan memuliakan Rasulullah SAW dalam hati orang yang menyambutnya. Begitu juga merupakan tanda kesyukuran kepada Allah kerana diutusNya Rasulullah SAW sebagai pembawa rahmat ke seluruh alam.”

KESIMPULAN

Maulid adalah meyakinkan kecintaan kepada nabi Muhammad SAW. Rasa kecintaan ini dapat menjadi pembeza keimanan antara kaum beriman. Dalam sebuah hadis sahih riwayat al Bukhari Nabi pernah bersabda: *Tidak ada seorang pun antara kamu beriman, hingga ia mencintai, lebih daripada ia mencintai anak-anaknya, ibu bapanya dan semua orang.*

Pembudayaan Ilmu, Ikuti Panduan Nabi SAW

Disusun oleh: Rosmawati Binti Razak

Sejarah telah menunjukkan kepada kita betapa Rasulullah SAW merupakan seorang pendidik yang hebat dan agung. Melalui pendidikan baginda, telah lahir generasi para sahabat dan tabiin yang berbeza keadaan mereka sebelum dididik dan selepas dididik oleh madrasah Rasulullah SAW. Sesungguhnya, keperibadian setiap para sahabat adalah bukti nyata lagi hidup terhadap keagungan isi, konsep serta pendekatan yang digunakan oleh baginda untuk mendidik para sahabat di zaman baginda. Beberapa pendekatan yang digunakan Rasulullah SAW dalam membudayakan ilmu pada zaman baginda antaranya adalah melalui:

1 Penentuan Masa Yang Fleksibel

Rasulullah SAW sentiasa menyusun waktu-waktu yang baik (sesuai) untuk mengadakan nasihat (pengajaran) bagi mengelakkan kami merasa bosan. (Riwayat Bukhari)

Berdasarkan hadis daripada Ibnu Mas'ud tersebut, Rasulullah SAW menetapkan masa tertentu yang sesuai dengan masa para sahabat untuk mengajarkan ilmu kepada mereka. Penentuan ini adalah untuk mengelakkan kejemuhan, bosan dan kerumitan para sahabat. Ini kerana para sahabat mempunyai pekerjaan yang pelbagai seperti petani, pengembala, peniaga dan sebagainya. Cara ini amat bersesuaian dengan kehendak manusia secara semulajadinya yang memerlukan masa rehat, masa bekerja dan masa untuk menuntut ilmu. Kaedah ini amat sesuai untuk membentuk sahsiah manusia supaya gemar kepada ilmu namun dilaksanakan secara berperingkat dan mengikut kesesuaian.

KESIMPULAN: Rasulullah SAW amat memberi penekanan kepada para sahabat supaya sentiasa meningkatkan ilmu walau dengan apa cara sekalipun. Walaupun situasi para sahabat yang mempunyai pelbagai komitmen, baginda sangat bijak dan bertoleransi melalui pelbagai pendekatan yang digunakan supaya ilmu itu terus sampai kepada para sahabat. Justeru, walau kesukaran melanda, kesibukan berganda luangkanlah masa untuk menuntut ilmu agar kita mampu menjadi individu dan umat yang bermanfaat untuk agama dan masyarakat.

2 Melentur Buluh Bermula Dari Rebung

Belajar ilmu pada usia muda menjadi suatu fenomena pada zaman Nabi SAW. Ada kalanya para sahabat yang masih kecil hadir ke majlis ilmu bersama ibubapa mereka. Keadaan ini menggambarkan bahawa Rasulullah SAW amat menitikberatkan ilmu. Berdasarkan sebuah hadis daripada Mahmud bin Rabi' beliau berkata: *"Aku masih ingat Rasulullah SAW menyemburkan air daripada mulutnya sebaloi air kemukaku (ketika aku belajar darinya) dan ketika itu usiaku 5 tahun".* (Riwayat Bukhari)

Baginda menyemburkan air daripada mulutnya yang mulia bagi memberi barakah kepada Mahmud. Selain itu, galakan Rasulullah SAW ada kalanya disertai dengan doa tertentu seperti yang dilakukan terhadap Ibnu Abbas apabila melihat kesungguhan Ibnu Abbas kepada ilmu terutamanya al-Quran. Terdapat riwayat yang menjelaskan bahawa Rasulullah SAW memeluk Ibnu Abbas sambil berdoa:

Ya Allah, jadikanlah dia faham tentang agama. (Riwayat Bukhari)

Baginda juga pernah mendoakan Ibnu Abbas: *Ya Allah berikanlah kepadanya ilmu al-Quran.* Ternyata Allah SWT memakbulkan doa Rasulullah SAW apabila Abdullah bin Abbas RA menjadi antara sahabat yang faqih dalam agama terutamanya bidang al-Quran. Hal ini boleh diambil pengajaran oleh guru atau ibubapa agar mendoakan kebaikan kepada pelajar mahupun anak-anak malah menggalakkan anak-anak untuk bersama-sama hadir ke majlis ilmu seawal usia.

3 Mengamalkan Sistem Giliran

Abdullah bin Abbas meriwayatkan kata-kata Saidina Umar yang menjelaskan bahawa beliau belajar daripada Rasulullah SAW secara bergilir-gilir dengan jirannya. Jirannya akan menyampaikan apa yang dipelajari daripada Rasulullah SAW pada hari itu begitu juga sebaliknya. Para sahabat sedaya upaya mungkin memperuntukkan masa bergilir-gilir untuk belajar dengan Rasulullah SAW. Malah baginda tidak membantah kerana memahami kedudukan para sahabat. Dengan ini pembudayaan ilmu dapat diteruskan sekalipun para sahabat tidak sentiasa mampu bersama disisi Rasulullah SAW setiap kali majlis ilmu diadakan.

4 Menyampaikan kepada keluarga terdekat

Sebuah hadis menjelaskan tentang al-Hurawayrith bersama-sama kaumnya belajar dengan Rasulullah SAW. Setelah selesai 20 hari, mereka disuruh pulang untuk memberi pengajaran dan ilmu pengetahuan kepada kaum keluarga.

"Aku datang menemui Nabi SAW bersama beberapa orang dari kaumku. Kami tinggal bersama-sama baginda selama 20 malam. Baginda adalah seorang yang bersifat belas kasihan dan lemah lembut. Setelah baginda mendapati kami merindui keluarga kami, baginda bersabda: Kembalilah dan tetapkanlah bersama mereka, ajarlah mereka ilmu pengetahuan dan solatlah bersama mereka. Apabila sampai waktu solat, azanlah salah seorang daripada kamu dan lantiklah orang yang lebih tua daripada kamu sebagai imam. (Riwayat Muslim)

Dalam riwayat lain menjelaskan 'Abd al-Qaysi bersusah payah datang kepada Rasulullah SAW untuk belajar ilmu pengetahuan daripada baginda. Mereka sanggup menunggu masa yang sesuai iaitu bulan-bulan *haram* bagi mengelakkan serangan puak kafir Mudhar. Setelah beberapa hari mempelajari fardhu ain, mereka diperintahkan pulang kepada kaum keluarga untuk mengajarkan ilmu kepada kaum keluarga.

Semarakkan Cintamu

Oleh: Azirah Binti Seman



Jika kita menelusuri perjalanan hidup Rasulullah SAW, kita dapat melihat betapa baginda menyantuni dan mengasihi isteri-isteri baginda. Rasulullah SAW sangat mencintai dan bersikap lembut terhadap para isteri baginda. Berikut adalah cara berkasih sayang yang diamalkan oleh Rasulullah SAW dan dapat kita teladani agar semarak cinta dalam perkahwinan sentiasa membara.

Menemani Ketika Sakit

Diriwayatkan oleh Aisyah RA bahawa Nabi SAW adalah orang penyayang lagi lembut. Dan beliau akan menjadi orang yang sangat lembut dan paling banyak menemani ketika isterinya sedang sakit.

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Minum Bergantian Pada Tempat Yang Sama

Aisyah berkata: "Pernah aku minum, sedangkan aku pada saat itu sedang haid. Kemudian aku memberikan minuman tersebut kepada Rasulullah SAW dari bejana yang sama, dimana beliau menempelkan mulutnya persis di tempat bekas aku minum, lalu beliau minum..."

(Hadis riwayat Muslim)

Membelai Isteri

"Adalah Rasulullah SAW tidaklah setiap hari melainkan beliau mesti mengelilingi kami semua (isterinya) seorang demi seorang. Baginda menghampiri dan membelai kami tetapi tidak bersama sehingga baginda singgah ke tempat isteri yang menjadi giliran baginda, lalu baginda bermalam ditempatnya."

(Hadis Riwayat Ahmad)

Membantu Kerja Rumah

Aisyah RA pernah ditanya seorang lelaki yang bernama al Aswad bin Yazid tentang apa yang dilakukan oleh Rasulullah SAW ketika dalam rumahnya? Maka Aisyah menjawab: Rasulullah SAW sentiasa membantu ahli keluarganya dalam kerja rumah. Dan apabila sudah tiba waktu solat, baginda keluar untuk solat.

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Mencium Isteri

Dari Hafsa, puteri Umar RA, "Sesungguhnya Rasulullah SAW biasa mencium isterinya sekalipun sedang berpuasa."

(Hadis Riwayat Ahmad).

Memberikan Hadiah

Dari Ummu Kaltsum binti Abu Salamah, ia berkata, "Ketika Nabi SAW menikah dengan Ummu Salamah, baginda bersabda kepadanya, "Sesungguhnya aku pernah hendak memberi hadiah kepada Raja Najasyi sebuah pakaian berenda dan beberapa botol minyak kasturi, namun aku mengetahui ternyata Raja Najasyi telah meninggal dunia dan aku mengagak hadiah itu akan dikembalikan. Jika hadiah itu memang dikembalikan kepadaku, aku akan memberikannya kepadamu." Dia (Ummu Kaltsum) berkata, "Ternyata keadaan Raja Najasyi seperti yang disabdakan Rasulullah SAW dan hadiah tersebut dikembalikan kepada baginda, lalu baginda memberikannya kepada masing-masing isterinya satu botol minyak kasturi, sedang sisa minyak kasturi dan pakaian tersebut baginda berikan kepada Ummu Salamah."

(Hadis Riwayat Ahmad)

Rasulullah: Keperibadian Terpuji, Perjuangan Dihayati

Oleh: Nik Mohd Sofri Bin Nik Abdul Hamid

Tanggal 12 Rabiulawwal merupakan satu tarikh keramat dalam sejarah umat Islam di seluruh dunia. Kedatangan Nabi Muhammad merupakan satu rahmat terbesar dan anugerah teragung yang Allah berikan kepada alam semesta ini. Manusia pada saat itu berada dalam kekufuran, kegelapan syirik, tidak mengenal pencipta mereka. Pada masa tersebut, penyembahan terhadap berhala-berhala adalah merupakan satu penghormatan, perzinaan adalah suatu kebanggaan, mabuk dan berjudi berleluasa, merompak serta membunuh adalah suatu keberanian. Sehubungan ini Allah mengutus seorang Rasul yang ditunggu oleh umat manusia untuk menghentikan semua kerosakan ini dan membawanya kepada cahaya Ilahi.

Menghayati Perjuangan Nabi

Bersempena sambutan Maulidurrasul yang diadakan saban tahun menuntut kita sama-sama menghayati dan mencontohi ketabahan serta kesungguhan baginda dan para sahabat dalam menegakkan syiar Islam sehingga terpancar kecemerlangan dan kegemilangan Islam merentasi dunia timur dan barat. Selain itu, Nabi Muhammad juga amat dikenali sebagai seorang yang suka menghubungkan silaturrahim, menolong orang yang dalam kesusahan, membantu anak yatim dan ibu tunggal, seorang yang pemurah dan sebagainya.

Mereka benar-benar telah merancang untuk membunuh Nabi Muhammad dengan berbagai-bagai perancangan jahat, namun baginda diselamatkan oleh Allah.

Keperibadian Terpuji

Masyarakat Arab Quraisy amat senang dengan keperibadian yang dimiliki oleh Nabi Muhammad, baginda pernah hidup bersama-sama masyarakat Quraisy, pernah bersama-sama membangunkan semula Kaabah yang runtuh akibat banjir. Baginda dikenali dalam kalangan masyarakat Arab sebagai seorang yang baik budi pekertinya, seorang yang amanah sehingga digelar al-amin.

Tetapi mengapa tiba-tiba Nabi Muhammad menjadi orang yang paling mereka benci? Apakah orang Quraisy tidak kenal siapa baginda sehingga mereka ingin membunuhnya? Mereka benar-benar telah merancang untuk membunuh Nabi Muhammad dengan berbagai-bagai perancangan jahat, namun baginda diselamatkan oleh Allah. Allah merakamkan perancangan jahat orang musyrikin untuk membunuh Nabi Muhammad SAW akan tetapi Allah telah menggagalkan perancangan mereka.

Firman Allah yang bermaksud:

"Ingatlah (wahai Muhammad), ketika orang kafir musyrik (Mekah) menjalankan perancangan jahat terhadapmu untuk menjarakkanmu atau membunuhmu atau mengusirmu. Mereka menjalankan perancangan jahat dan Allah menggagalkan perancangan jahat (mereka). Allah sebaik-baik yang menggagalkan perancangan jahat".

(Surah al-Anfal: 30)

Ketokohan

Baginda Rasulullah SAW mempunyai pandangan yang jauh, akal fikiran yang tajam, semangat juang yang tinggi, kekuatan mental dan rohani serta tabah dan berani dalam menempuh pelbagai cabaran dan dugaan yang seharusnya dicontohi, sama ada di waktu penghijrahannya dari kota Mekah ke kota Madinah atau selepasnya. Oleh yang demikian, umat Islam hendaklah bangun membina kekuatan rohani seimbang dengan kekuatan mental dan jasmani seperti yang ditunjukkan oleh baginda Rasulullah SAW dalam menyebar luas syiar Islam. Oleh itu setiap umat Islam adalah bertanggungjawab mempertahankan agama Allah.

Ketokohan Nabi Muhammad sebagai manusia teragung yang pernah dilahirkan di muka bumi ini memang tidak dapat disangkal lagi walaupun oleh orientalis-orientalis dari barat. Jika hendak dibandingkan dengan ajaran lain seperti Kristian, Buddha, mahupun Yahudi, Rasulullah SAW merupakan satu-satunya pengasas agama yang secara jelas sejarahnya diceritakan sejak baginda dilahirkan sehingga baginda wafat. Ketokohan Nabi Muhammad SAW dalam memimpin sebuah negara, menjadi seorang jeneral perang, menunjukkan contoh yang terbaik kepada umatnya bagaimana untuk menjadi seorang sahabat, ayah, suami, anak dan lain-lain menjadikan baginda sebagai manusia yang teragung yang pernah dilahirkan hingga ke hari ini.

Keadaan Kucar Kacir

Keadaan dunia pada masa itu amat tenat dan kucar kacir. Manusia pada ketika itu telah berperangai kebinatangan. Terlalu banyak kelakuan buruk yang melingkari masyarakat ketika itu. Bukan sahaja di semenanjung tanah Arab, bahkan di negara Parsi dan juga Rom. Kehidupan mereka sungguh teruk, meminum arak menjadi satu kebanggaan. Persundalan dianggap satu keseronokan, amalan riba' berleluasa dalam perniagaan, hidup berfoya-foya menjadi tanpa haluan.

Kekejaman yang dilakukan dianggap satu keperkasaan. Kekuatan digunakan untuk menindas. Kekuasaan digunakan untuk mengaut kekayaan. Para penguasa selalu dimuliakan bahkan kadangkala dianggap sebagai tuhan. Orang awam yang lemah selalunya di perhambakan. Kepandaian sering digunakan untuk menipu. Setiap saat akal sentiasa digunakan untuk berbuat jahat dan untuk memenuhi tuntutan nafsu. Demikianlah gambaran masyarakat ketika baginda diutuskan. Apa yang perlu dilakukan oleh umat Islam pada masa kini adalah menjadikan Nabi Muhammad sebagai contoh teladan yang paling utama.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

(Surah al-Ahzab: 21).

KESIMPULAN

Oleh yang demikian wajarlah kita merenung kembali sirah Rasulullah SAW dan mengkaji sendiri tentang manusia teragung ini serta peranan baginda dalam pembangunan manusia sejagat.

Marilah kita sama-sama memperingati perjuangan Rasulullah SAW dan seterusnya menjadikan contoh sifat dan kehidupan baginda sebagai teladan terbaik untuk diikuti.

Lapan Jam Yang Damai

Oleh: Razak Bin Nordin

Pada 5 Julai 2012 yang lepas, saya telah memperkenalkan satu slogan kepada para pensyarah Unit Pendidikan Islam dan Moral, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Slogan tersebut ialah 'Lapan Jam Yang Damai'. Harapan saya hanya satu iaitu untuk meminimumkan segala tekanan yang mampu upah dan mampu elak di Unit Pendidikan Islam dan Moral khususnya.

Pada saya, sebarang pekerjaan yang dilakukan oleh setiap manusia tentunya melibatkan dua perkara iaitu proses dan hasil. Sesetengah orang mengambil berat tentang proses kerana bagi mereka proseslah yang akan menentukan bentuk hasilnya. Sama ada baik atau buruk. Walaupun tidak semestinya 'semua kuih mengikut acuanya' namun itulah hukum yang selalu berlaku. Lazimnya 'bagaimana acuan, begitulah kuihnya'.

Sesetengah orang pula tidak kisah tentang proses, apa yang penting adalah hasilnya. Jika hasilnya baik, bagaimana proses yang membuahkan hasil itu sudah tidak penting lagi. Dalam bahasa brutalnya 'saya tidak mahu tahu bagaimana prosesnya, saya hanya mahu tahu hasilnya'. Segolongan lagi pula mengambil berat tentang proses dan hasilnya sekali. Prosesnya yang berjalan dengan baik, sempurna serta mengikut piawai dan hasilnya mestilah yang baik, sempurna dan mengikut piawai juga.

Untuk menjelaskan maksud huraian saya di atas, saya akan bawakan contoh yang ada kena mengena dengan kita. Misalnya, setiap hujung semester setiap pensyarah akan kelam kabut untuk menyelesaikan markah Penilaian Berterusan pelajar. Waktu-waktu tegang bagi kebanyakan pensyarah setakat pengalaman yang saya ada. Muka masam mencuka, mulut muncung, sakit kepala, pening kepala, urat leher menegang, muka serius serta tiada lagi lawak jenaka seperti biasa dan meja-meja pensyarah yang berselerak antara bukti betapa tegangnya para pensyarah pada masa itu. Namun dengan segala ketegangan yang berlaku dalam tempoh-tempoh itu akhirnya semua markah para pelajar dapat diselesaikan. Bermakna hasilnya ada, jalannya mungkin berbeza.

Tulisan ringkas ini bertujuan supaya setiap pensyarah dapat meminimumkan segala tekanan yang mampu upah dan mampu elak yang terpaksa melibatkan rakan-rakan sekerja kita yang berpunca dari kita. Jika tekanan itu tidak melibatkan atau mengaitkan orang lain, ia tidak termasuk dalam maksud tulisan ini.



PUNCA-PUNCA TEKANAN

Saya tidak membuat kajian akademik menggunakan borang soal selidik bagi mencari punca-puncanya. Namun apa yang saya tuliskan ini adalah hasil pemerhatian selama 18 tahun saya berkhidmat dan juga hasil 'seimbang petang atau seimbang malam' dengan rakan-rakan yang terlibat dalam bidang yang sama dan juga bidang berlainan.

Secara kasar saya membahagikan punca tekanan kepada empat perkara iaitu persekitaran, rakan sekerja, pengurusan dan juga diri sendiri. Punca-punca tekanan ini pula ada yang kita boleh ubah dan ada kita yang terpaksa berubah. Ibaratnya, ketika kita tidak mampu menahan hujan dari turun, maka terpaksa kita menyediakan payung untuk berteduh atau lari mencari mana-mana tempat berlindung.

Persekitaran, rakan sekerja dan pengurusan mungkin punca-punca yang susah atau mengambil masa untuk kita mengubahnya. Jika kita belum mampu, maka biarkanlah ia.

Punca yang mungkin kita boleh ubah ialah diri sendiri. Dan jangan lupa, diri sendiri bermakna ia mungkin melibatkan orang lain. Inilah sebenarnya intipati kepada slogan '**lapan jam yang damai**'.

Maksud saya, dalam hidup bermasyarakat *jangan sampai kita menjadi punca kepada kesusahan orang lain.* Ini adalah kerana kerja-kerja di pejabat adakalanya saling bersangkutan antara satu sama lain. Umpama mata rantai yang saling memerlukan antara satu sama lain. Jika dari seratus mata rantai, ada satu yang tercabut atau terkehel dan sebagainya, maka ia mungkin akan membawa masalah kepada sistem atau sekurang-kurangnya ia melambat serta merencatkan sistem. Sehingga saat ini, impian 'lapan jam yang damai itu' mungkin sedikit-sedikit mampu kita gapai dengan syarat. Semua kita bukan sahaja tahu dan faham tetapi juga melaksanakan apa yang diketahui serta difahami tersebut.

Harapan kita semua.

- ✚ *Selesaikan kerja yang bersangkutan dengan orang lain tepat pada masanya.*
- ✚ *Mengikut sedapatnya ketetapan yang telah dibuat.*
- ✚ *Membuat sesuatu yang betul pada kali pertamanya.*
- ✚ *Saling mengingatkan jika ada yang terlepas pandang atau kekurangan di mana-mana.*

Sama-samalah kita.

Jika anda hanya mementingkan hasil bukan proses dan hasil, tulisan ini mungkin kurang sesuai untuk pertimbangan anda.



Lapan Jam Yang Damai



Titipan Khutbah Yang Terakhir

Oleh: Ainul Farhaan Binti Harun

Muhammad SAW, merupakan satu figura indah dan sempurna yang diciptakan Allah untuk membawa rahmat kepada sekalian semesta. Saban tahun, kita meraikan hari kelahiran baginda dengan pelbagai program keagamaan, perarakan mahupun aktiviti berbentuk ilmiah sebagai tanda kasih dan sayang seorang umat kepada RasulNya. Namun alangkah indahnyanya jika pesanan dan mutiara indah yang baginda titipkan dapat kita fahami, malah diamalkan sebaiknya dalam memotivasikan diri untuk menjadi muslim sejati.

Jika disorot pada peristiwa khutbah terakhir baginda pada tanggal 9 Zulhijjah tahun ke-10 Hijrah, baginda Nabi Muhammad menekankan kepada kita beberapa perkara utama untuk dijadikan panduan hidup agar berada di landasan yang diredhai Allah. Intipati utama yang dititipkan oleh baginda seimbang antara duniawi dan ukhrawi. Baginda mengingatkan umat Islam untuk sentiasa teguh kepada Al-Quran dan Sunnah, sentiasa berkasih sayang dan saling menjaga hati sesama manusia.

Mari sama-sama kita telusuri intipati dan pesanan penuh hikmah Nabi Muhammad SAW di dalam khutbah haji wida' tersebut:

1

Berpegang teguh kepada Al-Quran dan Sunnah.

"Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang sekiranya kamu berpegang teguh dan mengikuti kedua-duanya nescaya kamu tidak akan sesat selama-lamanya". Pesanan baginda Nabi ini nyata menunjukkan Al-Quran haruslah dijadikan manual kehidupan setiap umat Islam. Jika selama ini hanya 'jarang-jarang' kita menyentuh Al-Quran, maka lazimilah tangan menyentuh mukjizat tersebut, basahilah lidah dengan kalimah-kalimah suci dari Allah SWT. Ingatlah bahawa ayat suci Al-Quran bukan sekadar dibaca semasa majlis kesyukuran mahupun majlis kematian semata-mata.

Jika selama ini kita membaca Al-Quran hanya 'kadang-kadang' sahaja, maka usahakan untuk terus istiqamah menjadikan bacaan Al-Quran rutin dalam jadual 24 jam yang kita ada. Andai selama ini kita sering menjadikan Al-Quran bacaan wajib setiap hari, maka tingkatkan lagi dengan proses *tadabbur* (mendalami) dan memahami tafsiran ayat suci tersebut. Jadikan hukum-hakam yang terkandung dalam kitab suci tersebut sebagai batasan dan panduan dalam membina peribadi dan akhlak mulia. Sunnah yang Nabi SAW tinggalkan juga haruslah dijadikan amalan dan tanda cinta seorang umat kepada seorang Rasul. Moga dua perkara yang Nabi tinggalkan buat kita semua ini akan bertindak sebagai GPS untuk memandu ke jalan iman dan Islam yang hakiki.

"Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang sekiranya kamu berpegang teguh dan mengikuti kedua-duanya nescaya kamu tidak akan sesat selama-lamanya".

2

Laksanakan Rukun Islam

Nabi Muhammad turut berpesan bahawa setiap dari muslim perlu melaksanakan solat, puasa, zakat dan menunaikan haji bagi mereka yang berharta dan berkemampuan. Maka, kita perlu muhasabah diri, di tahap manakah amalan kita?. Bagaimana kualiti solat kita sehari-harian?. Adakah sekadar 'melepaskan batok di tangga'?

"Wahai manusia, sebagaimana kamu mempunyai hak ke atas para isteri kamu, mereka juga mempunyai hak ke atas kamu. Sekiranya mereka menyempurnakan hak mereka ke atas kamu, maka mereka juga mempunyai hak diberi makan dan pakaian dalam suasana kasih sayang"



Kasih Sayang

Nabi Muhammad SAW turut menekankan mengenai peri penting kasih sayang sesama insan untuk dibajai dan disemai selalu. Baginda turut 'menjentik' para suami supaya sedar mengenai hak-hak yang perlu dilunaskan kepada isteri masing-masing. Seperti sabda baginda *"Wahai manusia, sebagaimana kamu mempunyai hak ke atas para isteri kamu, mereka juga mempunyai hak ke atas kamu. Sekiranya mereka menyempurnakan hak mereka ke atas kamu, maka mereka juga mempunyai hak diberi makan dan pakaian dalam suasana kasih sayang"*. Melalui petikan kata-kata tersebut, jelas bahawa kasih sayang perlu diterapkan dalam pergaulan antara suami isteri. Kasih sayang yang disemai, dibajai dan dijaga sebaiknya akan memberi impak kepada pembentukan sikap dan akhlak anak-anak kita kelak. Ini kerana, pada peringkat usia kanak-kanak, mereka amat mudah menyerap dan meniru perbuatan serta perlakuan ibubapa. Keluarga yang harmoni, dan sentiasa dipenuhi dengan ucapan yang baik amat membantu perkembangan positif dan potensi diri yang sempurna buat mereka.

Jika disorot pada helaian sirah–sirah junjungan mulia kita, amat jelas baginda adaah suami yang sangat romantik dan sering menonjolkan kasih sayang terhadap isteri–isteri baginda. Baginda amat lemah–lembut dalam melayani mereka. Antara kisah yang dapat dipetik antaranya adalah baginda sering membantu isteri memasak di dapur, pernah suatu ketika baginda pulang dan terus menyinsing lengan baju untuk turut sama menyiapkan juadah pada hari tersebut. Jelas terpancar bagaimana kasih dan prihatinnya baginda terhadap isteri dan keluarga. Seperti sabda baginda *“Orang yang paling baik dalam kalangan kamu adalah orang yang paling baik (pergaulannya) dengan ahli keluarga, dan aku adalah yang terbaik dari kalangan kamu dalam pergaulan dengan ahli keluargaku”*. Para isteri juga harus menyemai kasih sayang melalui tutur kata yang sopan dan menenangkan, serta menjadi tulang belakang dalam menyokong ujian hidup berkeluarga bersama–sama suami.

Benarlah kata – kata bahawa ‘ lidah itu lebih tajam dari mata pedang’. Maka ucapkanlah perkara yang baik dan manis – manis sahaja, hiasilah wajah dengan senyuman agar kebahagiaan akan terpancar sentiasa.



“Dunia adalah ladang tempat bercucuk tanam bagi akhirat”. Intipati khutbah baginda Nabi turut menyentuh soal tanggungjawab dan amalan kita sepanjang kehidupan di dunia yang fana ini. Maka, setiap dari kita perlu bermuhasabah, adakah kita telah menggalas tanggungjawab yang baik sebagai isteri, suami, ibu, anak hatta seorang pekerja dengan baik?. Tidak dapat dinafikan bahawa insan bernama manusia tidak akan terlepas dari kelalaian dan kekhilafan diri. Adakala kita culas dalam menggalas amanah yang diberikan. Kadang – kadang pula kita lalai dengan keseronokan dunia hingga melengah – lengahkan ibadah yang lebih *aula* dari hal duniawi. Namun sempena mengingati hari kelahiran baginda SAW, mari kita sematkan azam dan bulatkan tekad untuk sentiasa memperbaiki diri agar selari dengan pesanan khutbah baginda. Mutiara ilmu yang baginda sampaikan seharusnya dijadikan panduan dalam memandu diri ke arah yang diredhai. Jika sebelum ini, kita menjadi suami yang tidak melunaskan tanggungjawab dengan baik, mahupun isteri yang sering kali meninggikan suara kepada suami, anak–anak yang tidak patuh dan taat kepada perintah ibu bapa atau pekerja yang sering ‘curi tulang’, jadi sama–sama kita membuka lembaran buku amalan baru agar di akhirat nanti kita dapat sama–sama menuai hasil ‘tanaman’ yang lumayan.

INTIPATI KHUTBAH TERAKHIR:

- ✚ Berpegang Kepada al-Quran & Sunnah
- ✚ Laksanakan Rukun Islam
- ✚ Kasih Sayang
- ✚ Amanah & Tanggungjawab



“Orang yang paling baik dalam kalangan kamu adalah orang yang paling baik (pergaulannya) dengan ahli keluarga, dan aku adalah yang terbaik dari kalangan kamu dalam pergaulan dengan ahli keluargaku”.

Tatkala menyampaikan khutbah tersebut juga, Nabi Muhammad menegaskan bahawa setiap muslim itu adalah bersaudara. Maka seharusnya kita saling mengambil berat dan menghormati antara satu sama lain. Muamalah sesama insan tidak seharusnya dipandang remeh kerana ia menjadi tonggak kepada perpaduan umat Islam. Nabi turut memberi peringatan supaya kita tidak sekali – kali menyakiti hati insan lain. Kadang – kadang tanpa kita sedari perbuatan, mimik muka, malahan tutur kata yang dilontarkan bisa menyebabkan insan lain berkecil hati.

“Dunia adalah ladang tempat bercucuk tanam bagi akhirat”

Kenali Buku



Edisi 3: Maulidurrasul

Buku **Kenali Rasul Kita Muhammad** merupakan hasil terjemahan daripada *Matan asy-Syamail al-Muhammadiyah* karangan Imam at-Tirmizi. Buku ini bukan hanya menghimpunkan hadis tentang akhlak dan budi pekerti Nabi Muhammad SAW, tetapi disertakan juga hadis tentang sifat-sifat fizikal, pakaian, makanan, minuman, ibadah, pergaulan dan sebagainya yang berkait dengan kehidupan Baginda secara menyeluruh.

Nama Penyusun: **Ahmad Adnan Fadzil**

Harga: **RM 89.00**


Kod Produk: **TBBK 1286**

ISBN: **978-967-388-151-5**

Saiz: **21.5 cm X 27.5 cm**

Mukasurat: **728 ms**

Tarikh produk berada di pasaran: **Februari 2014**



Kelebihan buku ini:

- Gabungan terjemahan, ulasan dan kesimpulan berkenaan riwayat hidup kekasih Allah supaya pembaca memahami keperibadian dan cara hidup Baginda dengan tepat dan menyeluruh sebagaimana tujuan Imam at-Tirmizi menulis kitab *asy-Syamail*.
- Terjemahan lengkap berbahasa Melayu disertai ulasan yang dapat membantu pembaca memahami setiap hadis *asy-Syamail* dengan tepat dan baik.
- Mempunyai *taujihat nabawiyah* yang boleh dijadikan teladan di setiap bab yang pastinya menjadi nilai tambah bagi buku ini.
- Disertakan foto, gambar rajah dan diagram yang memudahkan pemahaman pembaca.
- Kisah-kisah menarik daripada hadis-hadis yang dipaparkan dalam buku ini dapat mendidik jiwa dan memberi inspirasi kepada pengguna.
- **Ekstra!** Profil para perawi dan CD kuliah Dr. Hj. Zahazan Mohamed.

Penaung

Dr. Hj Mohd Zahari Bin Ismail

Penasihat

Puan Azlida Binti Ahmad

Penasihat II

Puan Zuraiha Binti Mohd Zain

Ketua Editor

Norhafizah Binti Mohd Ghazali

Editor Syariah

Rosmawati Binti Razak

Sub Editor / Pruf

Ainul Farhaan Binti Harun

Konsep dan *Layout* Buletin

Ainul Farhaan Binti Harun

Penulis Artikel

Rosmawati binti Razak

Mohd Hanafi Bin Jusoh

Norhafizah Binti Mohd Ghazali

Jamilah Binti Ismail

Hasminuddin Bin Hashim

Azirah Binti Seman

Nik Mohd Sofri Bin Nik Abdul Hamid

Razak Bin Nordin

Ainul Farhaan Binti Harun

